



Warganegara Malaysia yang berkelayakan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan adalah dipelawa untuk membuat permohonan jawatan seperti berikut. Keutamaan diberi kepada rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan.

- (a) Jawatan : **Penolong Jurutera Gred JA29**  
(Kekosongan Jawatan: 2)
- (b) Kementerian / Jabatan / Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Majlis Daerah Perak Tengah
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan dan Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Skim Perkhidmatan Bersepadu
- (e) Jadual Gaji : Min RM 1,549.00 – Maksima RM 5,701.00
- (f) Syarat Lantikan : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- (i) Warganegara Malaysia
  - (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (iii) Sijil dalam Bidang Kejuruteraan daripada politekn tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. **(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM 1,549.00); atau**  
  
Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM 1,935.02).**
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia /Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kemahiran Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong

Jurutera Gred JA29, Tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a. (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (iii); atau  
(ii) lulus Peperiksaan Khas ; dan
- b. Had umur pelantikan:
  - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 60 tahun

(g) Taraf Jawatan : **Tetap/Kontrak**

(h) Cara memohon:-


- i. Semua permohonan hendaklah dibuat melalui borang yang boleh didapati melalui laman web Majlis Daerah Perak Tengah, [www.mdpt.gov.my](http://www.mdpt.gov.my) atau Jabatan Khidmat Pengurusan dan Penguatkuasaan , Majlis Daerah Perak Tengah .
- ii. Permohonan yang telah lengkap perlu dicetak dan disahkan beserta salinan sijil dan transkrip atau keputusan peperiksaan yang telah diperolehi, kad pengenalan, sijil kelahiran yang disahkan dan sekeping gambar berukuran passport
- iii. Permohonan daripada calon-calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut perintah Am Bab "A' 21. Permohonan yang tidak menurut peraturan dalam borang akan ditolak
- iv. Semua dokumen sokongan seperti di (para ii) hendaklah disahkan dan di alamatkan kepada :-

**Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Perak Tengah  
Kompleks Majlis Daerah Perak Tengah  
32610 Seri Iskandar**

Tarikh Tutup Permohonan : **8 Disember 2020**

Catatan Am:

- i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga. **Pihak MDPT boleh membuat ujian bertulis/ujian kecergasan sebagai mekanisme tapisan sekiranya difikirkan perlu.**
- ii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ini ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.



(MOHD SYUKRI BIN AZAARI, AMP)  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Perak Tengah

Tarikh : November 2020